

Newspaper: Berita Harian

Published: Friday June 24, 2011

Title: Laluan LATAR percuma hingga 31 Ogos

Laluan LATAR percuma hingga 31 Ogos

RAWANG: Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) sepanjang 33 kilometer yang dirasmikan Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor, semalam boleh digunakan secara percuma sehingga 31 Ogos ini.

Syarikat konsesinya, KL-Kuala Selangor Expressway Sdn Bhd mengumumkan bayaran tol hanya dikenakan mulai 1 September depan.

LATAR yang menghubungkan Taman Rimba

Templer di Rawang dan Ijok di Kuala Selangor turut menyediakan akses ke Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Koridor GUTHRIE (GCE), selain akan dihubungkan dengan Lebuhraya Pantai Barat akhir tahun ini.

Lebuhraya itu menggunakan sistem tol terbuka dengan pengguna dikenakan bayaran di tiga lokasi iaitu Plaza Tol Asam Jawa, Kuang dan Rimba Templer.

Tol dikenakan bagi se-

tiap jajaran ialah RM2 (kereta), RM4 (lori), RM6 (trailer), teksi (RM1) dan bas (RM4).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikannya, Shaziman berkata, Lebuhraya LATAR akan menjadi satu daripada jaringan lebuhraya yang popular kerana ia mampu menjimatkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kuala Selangor dari satu jam setengah kepada hanya 30 minit.